

28 JUL 2001

KONSEP NEGARA ISLAM PAS SEKADAR DAPATKAN SOKONGAN, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 28 Julai (Bernama) -- Konsep negara Islam yang dijanjikan oleh Pas merupakan umpan bagi menarik orang Melayu yang kuat berpegang kepada ajaran agama untuk menyokong perjuangan parti itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata walaupun Pas sedar ia tidak mungkin dapat melaksanakan konsep itu, mereka tetap membuat janji sedemikian kerana tidak mahu kehilangan sokongan.

"Dia guna ini sebagai satu umpan untuk dapat sokongan daripada orang Melayu yang berpegang begitu kuat dengan Islam. Jadi mereka buat janji, tawaran yang mereka tahu mereka tidak dapat laksanakan," katanya kepada pemberita selepas melawat Sirim Berhad di sini hari ini.

Isu berkenaan timbul selepas beberapa pemimpin kanan DAP meminta Pas menggugurkan konsep negara Islam itu. Kedua-dua parti itu adalah rakan dalam pakatan pembangkang.

Dr Mahathir berkata beliau ingin mengetahui lebih lanjut mengenai konsep yang disebut oleh Pas itu untuk melihat sama ada ia berbeza dengan apa yang sudahpun dilaksanakan oleh Umno.

"Kalau berbeza, tengoklah mana yang boleh kita buat. Kalau tak ada beza, janganlah kata yang bukan-bukan kat kita orang," katanya.

-- BERNAMA

NM KHY MAI